

# Hutang isi rumah penyumbang kemiskinan

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**KUALA LUMPUR 25 Ogos** - Hutang isi rumah yang tinggi ditambah kos sara hidup semakin meningkat antara penyumbang kepada berlakunya situasi kemiskinan di negara ini.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, keadaan tersebut membimbangkan kerana laporan Bank Negara menunjukkan hutang isi rumah berjumlah kira-kira RM1.18 trilion pada tahun lalu.

“Dari pada jumlah tersebut, pinjaman perumahan menyumbang 53.2 peratus atau RM628 bilion manakala baki 46.8 peratus adalah untuk kegunaan peribadi termasuk kendaraan bermotor, kad kredit dan kewangan peribadi.

“Untuk mengatasi masalah tersebut isi rumah dinasihatkan untuk tidak berhutang dan menukar gaya hidup mereka kepada berbelanja mengikut kemampuan.

“Jika kurang berkemampuan membeli rumah dan kereta baharu mereka boleh menyewa rumah dan membeli kenderaan terpakai kerana kosnya lebih rendah,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jumaat lalu, Pelapor Khas Kemiskinan dan Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Philip Alston mendakwa, situasi kemiskinan di Malaysia jauh lebih buruk daripada yang digambarkan kerajaan.

Kata Philip Alston, kadar kemiskinan negara pada tahap 0.4 peratus pada 2016 adalah tidak realistik dan kadar kemiskinan sebenar adalah kira-kira 15 peratus.

Ahmed Razman berkata, usaha menaikkan gaji sedia ada boleh dilakukan, namun tindakan itu tidak dapat mengatasi masalah tersebut secara berkesan.

“Jika naikkan gaji, ia cuma langkah jangka masa pendek kerana harga barang akan turut meningkat.

“Oleh itu langkah terbaik adalah berbelanja mengikut kemampuan supaya dapat keluar daripada situasi kemiskinan,” katanya.